

20 SEP 2002

LAPORAN-STRATEGI

TIBA MASANYA BAGI M'SIA SUSUN SEMULA STRATEGI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sudah tiba masanya bagi Malaysia untuk menyusun semula strategi pertumbuhan bagi mengurangkan pergantungan keterlaluhan kepada sektor luar.

Sambil menegaskan tugas tersebut menuntut anjakan paradigma dalam pendekatan menguruskan ekonomi negara, Perdana Menteri berkata inisiatif juga perlu diambil dengan lebih gigih untuk meneroka sumber pertumbuhan dalam negeri.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata: "Kita perlu melipatgandakan pelaburan domestik dalam bidang baru dan yang berpotensi, khususnya dalam sektor perkhidmatan seperti pelancongan, pendidikan, pengangkutan dan kesihatan di samping menjadikan sektor pertanian sebagai jentera pertumbuhan ketiga."

Katanya, dalam usaha negara melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi negara hendaklah terus dijana oleh kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih dinamik, memandangkan persekitaran sektor luar masih tidak menentu.

"Pertumbuhan ekonomi negara telah terlalu lama bergantung kepada pelaburan dan perdagangan luar yang sentiasa dipengaruhi oleh turun naik kitaran perniagaan di negara-negara rakan utama dagangan dan pelaburan kita," kata Dr Mahathir dalam prakata Laporan Ekonomi 2002/2003 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan hari ini.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, sektor swasta hendaklah mengambil alih semula peranan utamanya sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi dalam negeri.

"Mereka mesti bijak dan bersedia untuk lebih dinamik serta mampu menjadi jentera penggerak pertumbuhan negara. Mereka mesti meningkatkan pelaburan, berani meneroka sempadan baru dan meluaskan lagi pasaran, mengeluarkan produk bertaraf dunia serta berusaha gigih untuk menjadi lebih kompetitif," katanya.

Dalam hubungan ini, kata Dr Mahathir, kerajaan sentiasa komited untuk menyokong sektor swasta ke arah merealisasikan kesemua usaha dan inisiatif tersebut.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah dan akan terus menyediakan infrastruktur dan insentif yang diperlukan, di samping sokongan pentadbiran bagi memastikan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan berdaya saing.

Anjakan dalam pendekatan dasar ini akan memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih stabil dan mapan dapat dicapai dalam tempoh sederhana dan panjang.

Menyentuh mengenai ekonomi negara, Dr Mahathir berkata ekonomi negara telah kembali kukuh dalam tempoh separuh pertama tahun ini setelah mengalami pertumbuhan negatif dalam tempoh separuh kedua 2001, didorong oleh kecergasan sumber pertumbuhan dalam negeri.

Beliau berkata pemulihan ketara ini telah berjaya mengurangkan kesan negatif ke atas ekonomi berikutan sektor ekonomi luar yang lemah.

"Dalam tempoh tersebut, asas makroekonomi semakin bertambah mantap dengan akaun imbalan luar terus mencatat lebihan, rizab antarabangsa turut meningkat ketara, manakala kadar inflasi dan pengangguran kekal rendah."

"Sektor korporat dan perbankan juga mencatat prestasi yang kukuh," tegas Dr Mahathir.

Menurutnya, kesemua ini membolehkan negara lebih bersedia untuk berdepan dengan persekitaran luar yang kian mencabar.

Dr Mahathir juga berkata ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi dalam lingkungan empat peratus pada tahun ini, melebihi kadar 0.4 peratus yang dicapai pada tahun 2001.

-- BERNAMA

MKO ZK